

# Helo Kampus

**helokampus**

kampus@utusan.com.my

Oleh MOHD. SAIFUL  
MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my

**U**NIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya memperkenalkan perniagaan berkoncepcian pasar terapung pertama di Malaysia di Jeti Panchor Muar, Johor Disember tahun lalu.

Perniagaan pasar terapung yang dilaksanakan bersama Pejabat Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat), Pejabat Pentadbiran Pagoh, Kolej Kediaman Pagoh Jaya dengan kerjasama Persatuan Nelayan Parlimen Pagoh dan Komuniti Kampung Panchor.

Pasar Terapung yang menjual barang-barang mentah dan barang keperluan harian ini diwujudkan bertujuan mempromosikan kawasan Panchor khususnya kawasan jeti kepada orang ramai dan menjadi destinasi tarikan kepada pelancong.

Pasar Terapung ini adalah hasil cetusan idea Penolong Naib Canselor, Hubungan Industri dan Masyarakat, Prof. Datuk Dr. Abdul Razak Omar yang mahu UTHM idea dan peluang untuk membangunkan kawasan terbabit selain menggalakkan komuniti Panchor mengambil langkah proaktif dalam menjalankan perniagaan di Jeti Panchor yang dapat mendatangkan keuntungan sekali gus mempromosikan kawasan tersebut.

Untuk pertama kali pengajurannya, pasar terapung ini telah disertai oleh pengusaha-pengusaha bersama 12 sampan yang disediakan untuk aktiviti jual beli barang dengan bantuan penuntut UTHM.

Antara barang-barang basah yang dijual ialah pelbagai jenis ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk kerepek, nasi bungkus dan kuih-muih. Selain itu, kira-kira 20 gerai yang berkoncepcian mini karnival turut dibuka di perkaranjeti oleh pengusaha pasar tani yang menjual pelbagai jenis juadah serta barang keperluan



**KERJASAMA PENDIDIKAN» 20**



**ORANG RAMAI** berpeluang untuk membeli sayur-sayuran segar yang dijual dengan berkoncepcian pasar terapung.



## Pasar terapung pertama Malaysia

Usaha UTHM dalam mengalakkan komuniti tempatan menjalankan perniagaan



**PELANCONG** tempatan turut berpeluang menyusuri Sungai Panchor dengan perkhidmatan sampan yang disediakan.

harian.

Kampung Panchor yang akan dipenuhi kira-kira 10.000 pelajar pada 2017 apabila Pagoh bakal berubah wajah menjadi sebahagian Hab Pendidikan manakala kawasan sekitarnya pula akan dibangunkan untuk dihuni oleh masyarakat terutamanya pelajar universiti atau kolej.

Untuk rekod, sebanyak empat buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Politeknik Pagoh dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bakal di bangunkan di Pagoh.

Sementara itu, 150 penuntut UTHM Kampus Pagoh turut memeriahkan lagi suasana pasar terapung dengan pelbagai aktiviti bersama komuniti Kampung

Panchor.

Antara aktiviti yang dilaksanakan antaranya *Panchor River Cruise* yang pertama kali diadakan di Jeti Panchor untuk menarik minat orang ramai daripada segenap lapisan masyarakat. Keseronokan pengunjung menaiki bot bersiar-siar sambil menikmati keindahan Sungai Panchor jelas terpancar di wajah masing-masing. Aktiviti ini mendapat kerjasama penuh daripada Persatuan Nelayan Parlimen Pagoh.

Turut diadakan, aktiviti sukan seperti boling buah kelapa, pertandingan futsal dan kerusi muzik bagi menambahkan kemeriahan program pasar terapung di samping merapatkan hubungan antara penuntut UTHM dan penduduk Kampung Panchor.

Penduduk kampong turut mencuba nasib melalui aktiviti *Fun Fair* seperti boling tin, giant bubbles dan boling gelung selain acara karaoke yang

mendendangkan lagu-lagu pilihan masing-masing.

Manakala majlis penutup program telah disempurnakan oleh Ahli Dewangan Undangan Negeri (ADUN) Jorak, Datuk Dr. Shahruddin Md. Salleh.

Dalam ucapannya beliau berkata, idea mewujudkan pasar terapung mengambil contoh idea dari negara Thailand yang merupakan usaha yang cukup berasas dan mampu menarik orang ramai dari seluruh semenanjung Malaysia untuk datang dan merasai sendiri pengalaman membeli barang di pasar terapung yang pertama kali dilaksanakan di Malaysia.

“Saya melihat pasar ini merupakan titik permulaan yang amat baik bagi semua pihak untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam mempromosikan kawasan Jeti Panchor kepada masyarakat, bukan sahaja di dalam negara malah di luar negara juga,” katanya.